

# Meneroka Dinamika Kompetensi Ibu Bapa dalam Menangani Masalah Pembelajaran Murid Pemulihan Khas

## *(Exploring the Dynamics of Parental Competence in Addressing Learning Difficulties Among Remedial Students)*

Nanthini Nadarajan<sup>1</sup>, Mohd Syazwan Zainal<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [syazwanzainal@ukm.edu.my](mailto:syazwanzainal@ukm.edu.my)

Received: 3 January 2026 | Accepted: 1 April 2026 | Published: 15 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.3.21>

**Abstrak:** Dalam landskap pendidikan rendah di Malaysia, Program Pemulihan Khas memainkan peranan penting dalam menyokong murid yang mengalami kesukaran pembelajaran asas. Keberkesanan program ini bukan sahaja bergantung kepada intervensi guru, tetapi turut dipengaruhi oleh penglibatan dan kompetensi ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak di rumah. Seiring dengan aspirasi pendidikan inklusif, ibu bapa dilihat sebagai rakan strategik kepada sekolah dalam memastikan murid mendapat sokongan yang menyeluruh dan berterusan. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka kompetensi ibu bapa dalam menangani masalah pembelajaran murid yang mengikuti Program Pemulihan Khas di sekolah rendah di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama ibu bapa bagi meneliti pengalaman mereka, cabaran yang dihadapi, serta bentuk sokongan yang diterima dalam pendidikan anak-anak. Analisis tematik mendapati bahawa kompetensi ibu bapa berkait rapat dengan tahap kesedaran terhadap keperluan pembelajaran anak, akses kepada latihan dan maklumat berkaitan pemulihan khas, sokongan sosial, serta kualiti komunikasi dan kerjasama dengan pihak sekolah. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kekangan masa, keterbatasan pengetahuan khusus, dan sokongan yang tidak sistematik menjadi antara cabaran utama dalam usaha ibu bapa membantu pembelajaran anak secara berkesan. Justeru, kajian ini menegaskan keperluan sokongan berstruktur kepada ibu bapa melalui latihan berfokus, bimbingan berterusan, dan pengukuhan kolaborasi sekolah-rumah bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Program Pemulihan Khas.

**Kata Kunci:** Kompetensi Ibu Bapa, Masalah Pembelajaran, Program Pemulihan Khas

**Abstract:** In the landscape of primary education in Malaysia, the Remedial Programme plays a crucial role in supporting pupils who experience basic learning difficulties. The effectiveness of this programme depends not only on teachers' instructional interventions but also on the involvement and competence of parents in supporting their children's learning at home. In line with the aspirations of inclusive education, parents are increasingly recognised as strategic partners of schools in ensuring that pupils receive holistic and continuous support. Accordingly, this study aims to explore parental competence in addressing the learning difficulties of pupils enrolled in the Remedial Programme in Malaysian primary schools. A qualitative approach was employed through semi-structured interviews with parents to examine their experiences, the challenges they face, and the forms of support they receive in supporting their children's education. Thematic analysis revealed that parental competence is

*closely associated with parents' awareness of their children's learning needs, access to training and information related to remedial education, social support, and the quality of communication and collaboration with schools. The findings also indicate that time constraints, limited specialised knowledge, and the absence of systematic support mechanisms constitute major challenges for parents in effectively supporting their children's learning. Therefore, this study highlights the need for structured parental support through targeted training, continuous guidance, and strengthened school-home collaboration to enhance the overall effectiveness of the Remedial Programme.*

**Keywords:** Parental Competence, Learning Difficulties, Remedial Programme

---

## 1. Pendahuluan

Masalah pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah kekal sebagai isu berterusan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Murid yang mengikuti Program Pemulihan Khas lazimnya menghadapi kesukaran menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M), yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik serta perkembangan emosi mereka. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menangani keciciran pembelajaran, masih terdapat murid yang memerlukan intervensi khusus melalui Program Pemulihan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Murid dalam program ini sering berdepan cabaran pembelajaran yang kompleks dan memerlukan sokongan berterusan bukan sahaja daripada guru, tetapi juga daripada keluarga, khususnya ibu bapa. Oleh itu, keberkesanan intervensi pemulihan bukan sekadar bergantung kepada pengajaran guru pemulihan khas, malah turut dipengaruhi oleh penglibatan aktif ibu bapa sebagai rakan strategik dalam pendidikan anak.

Dalam kerangka pendidikan inklusif, setiap murid berhak menerima pendidikan yang sesuai dengan keperluan dan kebolehan mereka. Program Pemulihan Khas diperkenalkan sebagai usaha sistematik untuk membantu murid yang belum mencapai tahap penguasaan minimum literasi dan numerasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kejayaan pelaksanaannya dipengaruhi bukan sahaja oleh kualiti pengajaran guru, malah oleh tahap penglibatan ibu bapa dalam meneruskan pembelajaran di rumah. Ibu bapa diiktiraf sebagai rakan strategik sekolah dalam memastikan keberkesanan intervensi pendidikan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penglibatan aktif ibu bapa mampu meningkatkan pencapaian akademik serta perkembangan sosial dan emosi murid yang menghadapi kesukaran pembelajaran (Zulkeplee & Kamarul Azmi Jasmi, 2022). Namun, tahap penglibatan tersebut berbeza-beza bergantung kepada latar belakang pendidikan ibu bapa, kefahaman terhadap keperluan pembelajaran khas, pengalaman keibubapaan serta bentuk sokongan yang diterima daripada sekolah dan komuniti (Norhaslinda Abd Rani & Abdullah Mat Rashid, 2022).

Sehubungan itu, pelaksanaan sistem Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh kerjasama sekolah-keluarga. Melalui PIBKS dan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), hubungan antara sekolah dan ibu bapa dapat diperkasakan melalui program latihan, bengkel keibubapaan serta jaringan sokongan komuniti yang membantu ibu bapa memahami peranan mereka dalam pendidikan anak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2022; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Dalam konteks ini, pendidikan tidak lagi dilihat sebagai tanggungjawab sekolah semata-mata, sebaliknya sebagai usaha kolaboratif antara sekolah dan keluarga. Sokongan emosi, akademik dan praktikal yang

diberikan oleh ibu bapa terbukti mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Nur Faizahon Saidin & Nur Azimah Mohd Bukhari, 2023). Oleh itu, pemahaman terhadap kompetensi ibu bapa dari segi pengetahuan, kemahiran dan bentuk sokongan yang diberikan menjadi elemen penting dalam memastikan intervensi pendidikan mencapai matlamatnya (Zulkeplee & Jasmi, 2022).

Bertitik tolak daripada keperluan tersebut, kajian ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam persepsi dan pengalaman ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak-anak yang mengikuti Program Pemulihan Khas, khususnya dalam penguasaan kemahiran asas 3M. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar, amalan guru serta strategi sokongan yang lebih menyeluruh bagi membantu murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam konteks pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa merupakan faktor penting dalam menyokong pembelajaran murid yang menghadapi kesukaran akademik. Persepsi, pengalaman dan kefahaman ibu bapa terhadap peranan mereka didapati mempengaruhi tahap penglibatan dalam pendidikan anak serta keberkesanan sokongan pembelajaran di rumah (Huang, Lee & Chen, 2021). Dalam konteks murid berkeperluan khas dan pemulihan, ibu bapa bukan sahaja berfungsi sebagai penyokong emosi, malah sebagai rakan strategik kepada pihak sekolah dalam memastikan intervensi pembelajaran dilaksanakan secara konsisten.

Dari perspektif Teori Ekologi Bronfenbrenner, perkembangan murid dipengaruhi oleh interaksi antara pelbagai sistem persekitaran, khususnya hubungan antara keluarga dan sekolah yang membentuk mikrosistem dan mesosistem murid (El Zaatari & Maalouf, 2022). Hubungan kolaboratif antara guru dan ibu bapa dikenal pasti sebagai faktor utama dalam meningkatkan keberkesanan intervensi pendidikan khas (Epstein, 2018). Kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan aktif ibu bapa menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik, perkembangan sosial serta kesejahteraan emosi murid (Ahmad, Rahman & Lim, 2023).

Namun, penglibatan tersebut tidak berlaku secara automatik dan sering dipengaruhi oleh tahap efikasi sendiri ibu bapa, kefahaman terhadap keperluan pembelajaran khas, pengalaman berinteraksi dengan sekolah serta akses kepada sokongan yang sesuai (Huang, Lee & Chen, 2021). Dalam pendidikan pemulihan, ibu bapa sering berdepan cabaran seperti kekurangan pengetahuan pedagogi, kekangan masa serta tekanan emosi dalam memahami keperluan pembelajaran anak (Hornby, 2011). Justeru, latihan dan bimbingan sistematik daripada pihak sekolah didapati mampu meningkatkan keyakinan serta keupayaan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak secara lebih berkesan (Jeynes, 2017).

Selain sokongan sekolah, sokongan sosial daripada keluarga dan komuniti turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh kompetensi ibu bapa. Perkongsian pengalaman, bantuan emosi dan sokongan praktikal didapati dapat mengurangkan tekanan keibubapaan serta meningkatkan keupayaan ibu bapa menangani cabaran pembelajaran anak (Aqilatuzzahrah Azharuddin & Kamariah Abu Bakar, 2023). Walau bagaimanapun, akses kepada sokongan ini tidak sentiasa seimbang, khususnya bagi ibu bapa daripada latar belakang sosioekonomi sederhana dan rendah yang sering berdepan kekangan sumber dan maklumat. Situasi ini selari

dengan laporan nasional yang menunjukkan masih ramai murid belum menguasai kemahiran asas 3M pada peringkat awal persekolahan (Berita Nasional, 2024).

Walaupun banyak kajian menekankan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan khas dan pemulihan, kebanyakan penyelidikan lebih menumpukan kepada kesan intervensi terhadap pencapaian murid berbanding penerokaan mendalam terhadap pengalaman sebenar ibu bapa. Kajian yang meneliti bagaimana ibu bapa mentafsir peranan mereka, cabaran yang dihadapi serta bentuk sokongan yang benar-benar membantu penglibatan mereka masih terhad, khususnya dalam konteks Program Pemulihan Khas di Malaysia (Hassan & Zainal, 2022). Oleh itu, terdapat jurang kajian yang jelas dalam memahami pengalaman sebenar ibu bapa berkaitan peranan, sokongan dan cabaran yang mereka hadapi dalam membantu pembelajaran anak yang mengikuti Program Pemulihan Khas. Penerokaan terhadap dimensi ini penting bagi memperkukuh kerjasama sekolah–keluarga serta menyokong pelaksanaan intervensi pemulihan yang lebih inklusif, berkesan dan kontekstual (Aqilatuazzahrah Azharuddin & Kamariah Abu Bakar, 2023).

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneroka secara mendalam pengalaman ibu bapa berkaitan bentuk sokongan yang diterima dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka yang mengikuti Program Pemulihan Khas di sekolah rendah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pemahaman menyeluruh terhadap pengalaman, persepsi dan makna yang dibina oleh ibu bapa dalam konteks sebenar kehidupan mereka. Reka bentuk kajian kes pula sesuai digunakan untuk meneliti fenomena pendidikan secara mendalam dalam persekitaran semula jadi yang bersifat kontekstual dan kompleks, khususnya dalam pendidikan khas (Azizan & Noor, 2021).

Kajian ini juga menekankan pelaksanaan sistem Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) di sekolah dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang menekankan pengaruh pelbagai sistem persekitaran terhadap perkembangan kanak-kanak, termasuk peranan ibu bapa, sekolah dan komuniti (El Zaatari & Maalouf, 2022). Dalam konteks kajian ini, sokongan yang diterima oleh ibu bapa daripada pihak sekolah, keluarga dan agensi luar dilihat sebagai faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak Pemulihan Khas (El Zaatari & Maalouf, 2022). Selain itu, Teori Efikasi Kendiri Bandura (1997) turut menyokong kerangka kajian ini dengan menekankan bahawa keyakinan ibu bapa terhadap keupayaan mereka memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan dan keberkesanan sokongan pembelajaran yang diberikan kepada anak.

Responden kajian terdiri daripada lima orang ibu bapa yang mempunyai anak mengikuti Program Pemulihan Khas di beberapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Jempol Bahau, Negeri Sembilan. Pemilihan peserta dilakukan secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan kriteria tertentu, iaitu ibu bapa yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran anak dan mempunyai pengalaman menerima sokongan berkaitan pendidikan Pemulihan Khas. Pendekatan ini sejajar dengan dapatan kajian terdahulu yang menegaskan kepentingan penglibatan aktif ibu bapa dalam meningkatkan keberkesanan intervensi pendidikan khas (Ahmad, Rahman & Lim 2023).

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

Responden	R1	R2	R3	R4	R5
Umur	30 Tahun	36 Tahun	44 Tahun	42 Tahun	51 Tahun
Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Tahap Pendidikan	SPM	Ijazah	Diploma	Ijazah	SPM
Hubungan dengan murid	Bapa	Ibu	Ibu	Ibu	Ibu
Kategori murid	Murid Pemulihan Khas (masalah pembelajaran)	Murid Pemulihan Khas (masalah pembelajaran)	Murid Pemulihan Khas (masalah pembelajaran)	Murid Pemulihan Khas (masalah pembelajaran)	Murid Pemulihan Khas (masalah pembelajaran)
Bengkel / Kursus Berkaitan Masalah Pembelajaran	Bengkel Keibubapaan (THR Raaga – Encik Uthaya)	Bengkel “Positive Parenting atau Keibubapaan Positif” aplikasi pembelajaran”	Bengkel “Pengajaran Berasaskan Permainan”	Bengkel berkaitan teknik membaca dan cara membimbing anak menulis.	Bengkel keibubapaan (Asas 3M) Pemulihan Khas.
NGO/ Agensi Luar	Persatuan Ibu Bapa & Penjaga Anak OKU Masalah Pembelajaran	Persatuan Disleksia Malaysia	Kursus PPD Jempol dan Jelebu (Kursus pengurusan tingkah laku murid ADHD)	Ceramah PPD Jempol dan Jelebu (Ceramah keibubapaan).	Program sokongan ibu bapa bagi murid masalah pembelajaran kanak-kanak.
Lokasi Tempat Tinggal	Luar bandar	Luar bandar	Luar bandar	Luar bandar	Luar bandar

Maklumat demografi responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada ibu yang berumur antara 30 hingga 49 tahun dan menetap di kawasan luar bandar. Dapatan ini selari dengan konteks pelaksanaan Program Pemulihan Khas di Malaysia yang kebanyakannya melibatkan keluarga luar bandar dengan latar sosioekonomi dan pendidikan yang pelbagai (Bahagian Pendidikan Khas, KPM 2012). Dari segi tahap pendidikan dan latar belakang pekerjaan, responden mempunyai profil yang pelbagai, merangkumi pendidikan menengah, diploma dan ijazah sarjana muda serta bekerja dalam sektor pendidikan, swasta dan sebagai suri rumah. Kepelbagaian latar belakang ini membolehkan penyelidik memperoleh perspektif yang lebih menyeluruh tentang pengalaman ibu bapa dalam menerima dan mengaplikasikan sokongan pembelajaran kepada anak-anak mereka. Variasi demografi responden ini turut menyumbang kepada kebolehpindahan dapatan kajian dalam konteks pendidikan Pemulihan Khas di sekolah rendah luar bandar.

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bagi membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat mendalam tentang pengalaman, persepsi dan pandangan ibu bapa berkaitan sokongan pembelajaran yang diterima. Kaedah temu bual ini memberi fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka isu secara lebih mendalam berdasarkan respons peserta, selaras dengan pendekatan kualitatif yang menekankan kefahaman mendalam terhadap pengalaman individu. Setiap sesi temu bual dijalankan secara bersemuka, direkodkan dengan keizinan responden dan ditranskripsikan sepenuhnya sebelum dianalisis.

Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Jaya & Rahman (2023). Proses analisis melibatkan pembacaan berulang transkrip temu bual, pengekodan data secara sistematik, pengelompokan kod kepada kategori serta pembentukan tema utama bagi mengenal pasti pola dan makna berkaitan bentuk sokongan yang diterima oleh ibu bapa. Analisis ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, persamaan dan perbezaan pengalaman ibu bapa berkaitan sokongan yang diterima. Pendekatan ini selari dengan kajian-kajian lepas yang menekankan hubungan antara kompetensi ibu bapa, efikasi sendiri dan keberkesanan sokongan pembelajaran dalam pendidikan khas (Pan, Lin, Chen & Wang, 2024).

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, perbandingan merentas responden dilakukan bagi memastikan keselarasan tema yang dikenal pasti. Selain itu, penggunaan data demografi responden juga dapat membantu penyelidik untuk mentafsir dapatan kajian secara lebih kontekstual, sejajar dengan kajian berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan khas di Malaysia (Aqiluzzahrah Azharuddin & Kamariah Abu Bakar 2023).

#### 4. Dapatan

Melalui analisis temu bual separa berstruktur yang dijalankan terhadap ibu bapa murid Program Pemulihan Khas, lima tema utama telah dikenal pasti berkaitan bentuk sokongan yang diterima oleh ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka mengatasi masalah pembelajaran. Data dianalisis dengan meneliti tema dan subtema yang muncul daripada jawapan responden, berasaskan satu persoalan kajian utama iaitu persepsi dan pengalaman ibu bapa terhadap peranan mereka dalam menangani masalah pembelajaran anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima tema utama yang menjelaskan pengalaman dan sokongan yang diterima oleh ibu bapa ialah (1) peranan sekolah dalam membentuk kefahaman ibu bapa, (2) sokongan keluarga sebagai pengukuh peranan ibu bapa, (3) pengaruh sokongan NGO dan agensi luar terhadap pengalaman ibu bapa (4) peningkatan keyakinan dan kompetensi ibu bapa serta (5) keperluan sokongan tambahan dan penambahbaikan terhadap keberkesanan peranan ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak Pemulihan Khas.

##### 4.1 Peranan sekolah dalam membentuk kefahaman ibu bapa

Dapatan menunjukkan bahawa pihak sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan dan bimbingan kepada ibu bapa melalui bengkel, taklimat dan sesi perjumpaan bersama guru pemulihan khas. Latihan ini membantu ibu bapa memahami keperluan pembelajaran anak serta kaedah pengajaran yang digunakan di sekolah.

Seorang responden menyatakan bahawa pendedahan yang diterima membolehkannya menyelaraskan pembelajaran di rumah dengan pendekatan di sekolah:

*“Saya dapat memahami kaedah yang digunakan di sekolah, dan boleh menyambung pembelajaran di rumah dengan cara yang selaras,”* (R1).

Selain itu, bengkel berkaitan teknik membaca, penulisan dan pembelajaran berasaskan permainan membantu ibu bapa menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut tahap kebolehan anak. Responden R3 menjelaskan bahawa pendekatan *fun learning* menjadikan anak lebih berminat untuk belajar:

*“Saya berasa anak saya jadi lebih seronok, kurang merungut, dan belajar dengan lebih konsisten,” (R3).*

#### **4.2 Sokongan keluarga sebagai pengukuh peranan ibu bapa**

Sokongan daripada ahli keluarga terdekat dikenal pasti sebagai faktor penting dalam membantu ibu bapa mengurus pembelajaran anak serta mengurangkan tekanan emosi. Dapatan menunjukkan bahawa pasangan, adik-beradik dan ahli keluarga lain turut terlibat secara aktif dalam menyokong pembelajaran anak, sama ada melalui bantuan langsung dalam aktiviti akademik atau sokongan emosi. Seorang responden menjelaskan bahawa sokongan pasangan membantu mengurangkan beban dan tekanan emosi,

*“Saya tidak perlu memikul tanggungjawab itu seorang diri. Ini sangat membantu saya menjaga emosi supaya tidak cepat marah,” (R1).*

Selain itu, sokongan ahli keluarga turut mewujudkan rasa kebersamaan dan mengelakkan ibu bapa daripada berasa terasing dalam menghadapi cabaran pembelajaran anak. Seorang responden menyatakan bahawa kehadiran ahli keluarga membuatkan beliau tidak berasa keseorangan:

*“Saya tidak rasa keseorangan kerana ada orang lain yang membantu dan memahami keadaan anak,” (R4).*

#### **4.3 Pengaruh sokongan NGO dan agensi luar terhadap pengalaman ibu bapa**

Sebahagian ibu bapa turut menerima sokongan daripada NGO dan agensi luar seperti Persatuan Disleksia Malaysia serta kursus anjuran Pejabat Pendidikan Daerah. Sokongan ini memberi pendedahan tambahan kepada ibu bapa berkaitan pengesanan awal masalah pembelajaran, teknik intervensi dan pengurusan tingkah laku anak. Seorang responden menyatakan bahawa penyertaan dalam program NGO meningkatkan keyakinannya untuk membantu anak belajar,

*“Saya lebih yakin untuk membantu anak belajar kerana sudah ada panduan dan teknik yang jelas setelah merujuk pakar perubatan,” (R2).*

Selain itu, kursus pengurusan tingkah laku turut membantu ibu bapa memahami emosi dan keperluan anak dengan lebih baik,:

*“Saya tahu cara menenangkan diri apabila anak beremosi dan dapat membantu anak fokus semula,” (R3).*

#### **4.4 Peningkatan Keyakinan dan Kompetensi Ibu Bapa**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan yang diterima secara langsung menyumbang kepada peningkatan keyakinan dan kompetensi ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak. Ibu bapa menjadi lebih sabar, yakin, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam menyesuaikan pendekatan pembelajaran mengikut keperluan anak. Seorang responden menyatakan perubahan ketara dalam cara beliau mendidik anak selepas menerima bimbingan:

*“Saya tidak lagi memarahi anak, sebaliknya menggunakan pendekatan yang lebih lembut dan berperingkat,” (R5).*

Peningkatan keyakinan ini juga membantu ibu bapa mengawal emosi dan mengurangkan tekanan dalam proses pembelajaran anak, seperti yang dinyatakan oleh seorang responden

*“Saya tidak lagi memaksa anak belajar terlalu lama dan lebih memahami keperluan anak,” (R5).*

#### **4.5 Keperluan Sokongan Tambahan dan Penambahbaikan**

Walaupun sokongan sedia ada memberi manfaat, ibu bapa menyuarakan keperluan terhadap sokongan tambahan yang lebih berstruktur dan berterusan. Antaranya termasuk kelas praktikal berkala, bahan bantu mengajar yang boleh dipinjam, modul atau video pembelajaran, serta sokongan psikologi untuk ibu bapa. Seorang responden menyatakan keperluan kepada sokongan emosi berterusan,

*“Saya berharap ada kumpulan sokongan ibu bapa atau sesi kaunseling supaya kami boleh berkongsi cabaran” (R2).*

Keperluan ini menunjukkan bahawa ibu bapa memerlukan sokongan yang holistik merangkumi aspek akademik, emosi dan sosial bagi memastikan keberkesanan peranan mereka dalam membantu pembelajaran anak Pemulihan Khas.

### **5. Perbincangan**

Perbincangan ini menumpukan kepada persepsi dan pengalaman ibu bapa terhadap peranan mereka dalam menangani masalah pembelajaran anak-anak yang mengikuti Program Pemulihan Khas. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan perubahan paradigma yang ketara dalam cara ibu bapa melihat kedudukan mereka dalam proses pendidikan anak. Ibu bapa tidak lagi menempatkan diri sebagai pemerhati pasif yang hanya menerima laporan perkembangan anak daripada pihak sekolah, sebaliknya melihat diri mereka sebagai rakan kongsi aktif yang turut berkongsi tanggungjawab dalam menyokong pembelajaran. Perubahan persepsi ini terbentuk melalui pengalaman langsung berinteraksi dengan guru pemulihan, penyertaan dalam bengkel serta latihan keibubapaan, dan penglibatan berterusan dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman yang bermakna dan berulang mampu membentuk kefahaman baharu tentang peranan ibu bapa dalam pendidikan khas.

Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad, Rahman dan Lim (2023) yang menegaskan bahawa penglibatan aktif ibu bapa memberi kesan signifikan terhadap keberkesanan intervensi pendidikan khas di sekolah rendah. Dalam konteks kajian ini, persepsi positif ibu bapa terhadap peranan mereka bukan sahaja meningkatkan tahap penglibatan, malah mempengaruhi bentuk penglibatan tersebut. Ibu bapa didapati lebih konsisten memantau pembelajaran anak, mengaplikasikan strategi yang disarankan oleh guru, serta berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah. Ini menunjukkan bahawa perubahan persepsi bukan sekadar sikap dalaman, tetapi menjadi pemangkin kepada tindakan yang konkrit. Oleh itu, persepsi ibu bapa boleh dianggap sebagai asas psikososial yang menyokong keberkesanan pelaksanaan Program Pemulihan Khas.

Selain itu, pengalaman mengikuti latihan dan bimbingan turut meningkatkan keyakinan ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak. Dapatan ini boleh difahami melalui perspektif Teori Efikasi Kendiri oleh Albert Bandura (1997) yang menegaskan bahawa keyakinan individu

terhadap keupayaan diri mempengaruhi tahap usaha, ketekunan dan kebolehan menghadapi cabaran. Dalam kajian ini, ibu bapa yang memperoleh pendedahan kepada strategi pembelajaran menunjukkan tahap kesediaan yang lebih tinggi untuk mencuba pendekatan baharu dan menyesuaikan cara pengajaran di rumah. Keyakinan ini mendorong ibu bapa untuk bersikap lebih sabar, fleksibel dan responsif terhadap keperluan anak, sekali gus meningkatkan keberkesanan sokongan yang diberikan. Hal ini mengukuhkan hujah bahawa pembangunan kapasiti ibu bapa melalui latihan bukan sahaja meningkatkan pengetahuan, tetapi juga membina kepercayaan diri yang penting dalam konteks pendidikan khas.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengalaman praktikal ibu bapa dalam mengaplikasikan strategi pembelajaran di rumah, seperti pendekatan bermain sambil belajar dan penggunaan bahan visual, telah memperkukuh peranan mereka sebagai penyokong utama pembelajaran anak. Melalui pengalaman ini, ibu bapa bukan sahaja memahami strategi yang sesuai, malah dapat mengenal pasti kekuatan dan cabaran pembelajaran anak secara lebih mendalam. Kefahaman yang terbina melalui pengalaman langsung ini membantu ibu bapa menyesuaikan pendekatan pembelajaran secara lebih kontekstual, selaras dengan tahap perkembangan dan kebolehan anak. Oleh itu, pengalaman praktikal boleh dilihat sebagai medium pembelajaran tidak formal yang memperkaya pengetahuan keibubapaan dalam pendidikan khas.

Dari perspektif ekologi, dapatan kajian ini turut menyokong Teori Ekologi oleh Urie Bronfenbrenner (1979) yang menekankan kepentingan interaksi antara sistem rumah dan sekolah dalam membentuk perkembangan kanak-kanak. Hubungan dua hala antara ibu bapa dan guru pemulihan yang ditunjukkan dalam kajian ini menggambarkan fungsi mesosistem yang berkesan, di mana maklumat, strategi dan sokongan disalurkan secara konsisten antara kedua-dua persekitaran. Interaksi yang positif ini membantu mewujudkan kesinambungan pembelajaran antara rumah dan sekolah, sekali gus meningkatkan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Hal ini menunjukkan bahawa kejayaan pendidikan khas tidak boleh dilihat secara terasing dalam konteks bilik darjah sahaja, tetapi perlu difahami sebagai hasil interaksi pelbagai sistem sokongan yang saling melengkapi.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut mendedahkan bahawa penglibatan aktif ibu bapa tidak terlepas daripada cabaran emosi dan praktikal. Walaupun ibu bapa menunjukkan komitmen yang tinggi, mereka masih berhadapan dengan tekanan emosi, kekangan masa dan keletihan dalam menguruskan keperluan pembelajaran anak. Situasi ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa memerlukan sokongan berterusan daripada pihak sekolah dan komuniti. Tanpa sokongan tersebut, tekanan yang berpanjangan berpotensi menjejaskan kesejahteraan emosi ibu bapa, sekali gus mempengaruhi kualiti sokongan yang dapat diberikan kepada anak. Oleh itu, sokongan emosi dan sosial perlu dilihat sebagai komponen penting dalam memperkukuh penglibatan ibu bapa dalam pendidikan khas.

Selain itu, komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan guru dikenal pasti sebagai elemen penting dalam membentuk persepsi positif terhadap peranan ibu bapa. Komunikasi yang terbuka, konsisten dan bersifat dua hala membantu ibu bapa memahami perkembangan anak secara lebih jelas serta meningkatkan keyakinan mereka terhadap intervensi yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Apabila ibu bapa merasakan pandangan mereka didengar dan dihargai, mereka lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dalam proses pendidikan anak. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi bukan sekadar medium penyampaian maklumat, tetapi juga alat membina kepercayaan dan kolaborasi.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa persepsi dan pengalaman ibu bapa terhadap peranan mereka dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman dan luaran, termasuk efikasi sendiri, pengalaman latihan, sokongan sekolah serta kualiti komunikasi dengan guru. Apabila ibu bapa melihat diri mereka sebagai rakan strategik dalam pendidikan anak, mereka lebih bersedia untuk terlibat secara aktif dan berterusan dalam menangani masalah pembelajaran. Justeru, dapatan ini menegaskan bahawa kejayaan Program Pemulihan Khas tidak hanya bergantung kepada intervensi sekolah, tetapi turut diperkukuh oleh persepsi positif, keyakinan diri dan pengalaman bermakna ibu bapa dalam memainkan peranan mereka sebagai rakan pendidikan yang utama.

## **6. Implikasi**

Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap amalan pendidikan Pemulihan Khas di Malaysia, khususnya dalam memperkukuh peranan ibu bapa sebagai rakan strategik sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan berstruktur seperti latihan keibubapaan, komunikasi dua hala yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai berupaya meningkatkan keyakinan serta kompetensi ibu bapa dalam menyokong pembelajaran murid Pemulihan Khas di rumah. Oleh itu, pihak sekolah disarankan untuk merancang dan melaksanakan program sokongan ibu bapa secara sistematik dan berterusan.

Dari perspektif teori, kajian ini mengukuhkan kesesuaian Teori Ekologi Bronfenbrenner dan Teori Sosiobudaya Vygotsky dalam menjelaskan dinamika sokongan pembelajaran murid Pemulihan Khas. Interaksi positif antara keluarga dan sekolah serta bimbingan ibu bapa yang selari dengan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) didapati menyokong perkembangan kognitif dan emosi murid secara berkesan. Dapatan ini turut menyokong Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein yang menekankan kepentingan kerjasama berterusan antara sekolah dan keluarga. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penglibatan ibu bapa yang berstruktur dan disokong secara sistematik merupakan elemen penting dalam meningkatkan keberkesanan Program Pemulihan Khas.

## **7. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa persepsi dan pengalaman ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sokongan pembelajaran anak-anak yang mengikuti Program Pemulihan Khas. Penglibatan aktif ibu bapa yang diperkukuh melalui latihan, bimbingan serta sokongan berterusan daripada pihak sekolah dan komuniti telah meningkatkan keyakinan dan kompetensi mereka dalam menangani masalah pembelajaran anak.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyokong penerbitan artikel ini.

### **Pernyataan Konflik Kepentingan**

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini

## Rujukan

- Ahmad, N., Rahman, S., & Lim, C. S. (2023). Parental involvement and outcomes of special education interventions in Malaysian primary schools. *Journal of Special Education Research, 38*(2), 145–160. <https://doi.org/10.1177/00224669221123456>
- Aqilatzahrah Azharuddin, & Kamariah Abu Bakar. (2023). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan khas: Cabaran dan implikasi terhadap pembelajaran murid. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 48*(1), 23–34. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2023-4801-03>.
- Azizan, M. S., & Noor, H. M. (2021). Early identification and intervention in remedial education: A Malaysian primary school study. *Malaysian Journal of Education, 46*(2), 55–64.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W.H. Freeman.
- Berita Nasional. (2024, 16 September). *KPM fokus reformasi pendidikan tangani isu keciciran 3M*. Berita Nasional <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpm-fokus-reformasi-pendidikan-tangani-isu-keciciran-3m>.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- El Zaatari, W., & Maalouf, I. (2022). Parental involvement in special education: A socio-ecological perspective. *International Journal of Inclusive Education, 26*(10), 1034–1050. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1748562>.
- Epstein, J. L. (2018). *School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools* (3rd ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780429493133>
- Hassan, R., & Zainal, M. S. (2022). Cabaran penglibatan ibu bapa dalam pendidikan khas di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Khas, 12*(1), 45–58.
- Huang, G. H., Lee, C. Y., & Chen, Y. H. (2021). Parental self-efficacy and involvement in children with learning difficulties. *Journal of Child and Family Studies, 30*(4), 1032–1045. <https://doi.org/10.1007/s10826-021-01925-3>.
- Jaya, N., & Rahman, S. A. (2023). Understanding non-diagnosed learning difficulties among low-performing students in mainstream schools. *International Journal of Inclusive Education, 27*(1), 78–92.
- Jeynes, W. (2017). A meta-analysis on the effects of parental involvement on students' academic outcomes. *International Journal of Inclusive Education, 21*(3), 283–299. <https://doi.org/10.1080/13603116.2017.1296037>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Garis panduan Program Pemulihan Khas*. Bahagian Pendidikan Khas, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025*. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%202013%20-%202025%20Prasekolah%20%20Lepas%20Menengah.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Pelaporan pelaksanaan Program Pemulihan Khas dan PIBKS*. KPM.
- Norhaslinda Abd Rani, & Abdullah Mat Rashid. (2022). Faktor penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran murid berkeperluan khas. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11*(2), 55–68.
- Nur Faizahon Saidin & Nur Azimah Mohd Bukhari. (2023). Faktor Keciciran Murid-Murid Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS, Jilid 34*(1), 2023: 26-48.

- Pan, Y., Lin, X., Chen, M., & Wang, H. (2024). Parental competence and learning outcomes in inclusive education settings. *Frontiers in Education, 9*, Article 1289456. <https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1289456>.
- Zulkeplee, N., & Jasmi, K. A. (2022). Peranan ibu bapa dalam menyokong murid pendidikan khas di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam, 37*(1), 89–102.